

18/06/2003

Usah melobi untuk jadi calon pilihan raya: Dr M

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli Umno supaya tidak melobi pemimpin tertentu, termasuk beliau, untuk menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri memberi peringatan berkenaan dalam ucapannya pada Taklimat Presiden di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam sempena Perhimpunan Agung Umno 2003 yang akan berlangsung selama empat hari mulai hari ini. Taklimat tertutup itu dihadiri semua perwakilan dan pemerhati perhimpunan.

Beberapa pemimpin Umno yang ditemui selepas taklimat itu, memberitahu Perdana Menteri juga menasihatkan ahli Umno supaya mengukuhkan perpaduan bagi menghadapi pilihan raya umum.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata peringatan Dr Mahathir supaya ahli mementingkan perpaduan dan akur kepada keputusan parti, harus dipandang serius serta dihayati sepenuhnya.

"Dr Mahathir juga berpesan, pemimpin tidak harus mempopularkan diri kerana kita sepatutnya berkhidmat untuk rakyat. Justeru, konsep kepemimpinan perlu dihayati supaya kita tidak mengabaikan tanggungjawab kepada rakyat.

"Dr Mahathir turut melahirkan rasa bangganya kerana akan berundur pada ketika Umno bergerak sebagai parti yang kuat. Sepanjang menyampaikan amanat, nada ucapan beliau tenang dan susunan ucapannya juga teratur," katanya.

Seorang lagi Naib Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata presiden parti berpesan supaya semua pemimpin dan ahli memberi sokongan padu kepada parti dan pucuk pimpinan termasuk Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang akan mengambil alih kepimpinan parti.

"Presiden parti mengingatkan bahawa walaupun Umno sudah menerajui negara ini dan masyarakat Melayu sejak sekian lama, masih ada pemimpin dalam parti yang gagal memainkan peranan.

"Sudah tiba masanya pemimpin Umno di semua peringkat menunjukkan komitmen sepenuhnya dalam mengukuhkan parti," katanya.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Mhd Taib, pula berkata Dr Mahathir turut menyatakan bahawa beliau tidak akan campur tangan dalam menentukan pelantikan mengisi kekosongan dalam parti, sebaliknya menyerahkan kepada Abdullah.

Beliau ada menyebut di penghujung ucapan bahawa sesiapa yang nak jadi calon atau apa-apa, beliau tidak akan campur dan menyerahkan kepada Abdullah sebagai Presiden Umno yang baru untuk membuat keputusan.

"Beliau juga meminta pemimpin dan ahli parti mematuhi keputusan yang dibuat Pak Lah," katanya.

Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Dr Mahathir juga antara lain berpesan supaya pemimpin dan ahli parti bersiap sedia menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Presiden berpesan oleh kerana kita akan menghadapi pilihan raya umum yang akan ditentukan Perdana Menteri baru, maka hendaklah ahli patuh kepada pemilihan calon oleh pemimpin.

"Beliau tidak mahu orang datang melobi pemimpin termasuk beliau kerana tidak berkenan dengan calon tertentu. Kita dalam Umno perlu bersetuju dengan calon yang dipilih pucuk pimpinan parti. Ini kerana yang penting parti, bukannya calon," katanya.

Rafidah berkata, Presiden parti turut mengingatkan bahawa dalam pilihan raya sebelum ini ada yang memprotes kerana tidak bersetuju calon tertentu dengan tidak keluar mengundi atau merosakkan undi, menyebabkan calon Barisan Nasional (BN) di kawasan terbabit kalah atau hanya menang tipis.

Ditanya nada Perdana Menteri ketika menyampaikan taklimat semalam kerana ini kali terakhir beliau menyampaikan taklimat sebagai Presiden Umno, Rafidah berkata:

"Beliau bernada biasa. Seperti biasa, beliau banyak berjenaka. Saya rasa Perdana Menteri sudah bersiap sedia memberi ucapan dalam Taklimat Presiden terakhir bagi beliau.

"Tidak ada beza, bahkan beliau kelihatan lebih riang, mungkin kerana tidak ada tekanan, tidak ada sebarang emosi," katanya.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata Pemuda menerima baik amanat Presiden dan meminta semua ahli pergerakan itu menjaga parti.

"Dr Mahathir mengingatkan kita supaya meletak kepentingan parti melebihi kepentingan diri atau individu. Beliau meminta kita memastikan Umno kekal kukuh dan mengingatkan masa depan negara dan orang kita terletak kepada Umno.

"Umno perlu terus relevan supaya mampu memikul tanggungjawab untuk rakyat dan berjuang untuk kepentingan rakyat serta negara," katanya.

Ketua Puteri, Azalina Othman Said pula berkata, beliau melihat pesanan penting Dr Mahathir ialah supaya semua ahli parti lebih mementingkan parti dan bukan individu atau diri, terutama dalam menghadapi pilihan raya.

"Kita tidak ada pilihan kecuali menunjukkan satu semangat perpaduan seia sekata. Tapi kadang-kadang saya merasakan sebagai bapa, Dr Mahathir sudah banyak kali menasihati kita.

"Ini taklimat terakhir beliau sebagai Presiden parti dan saya berharap jika kita sayang pada beliau dan sayangkan parti, kita patuhilah nasihat beliau.

"Bagi Perdana Menteri, parti adalah segala-galanya dan saya melihat kejayaan Umno di bawah kepimpinannya disebabkan beliau meletakkan kepentingan Umno, bangsa dan negara mendahului kepentingan sendiri," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata amanat Dr Mahathir yang bertumpu kepada tanggungjawab kepimpinan dan pentingnya akur kepada keputusan pimpinan, adalah ramuan penting dalam memastikan kemenangan berterusan parti.

"Kita harap semua pihak akur dengan pandangan Dr Mahathir dan patuh kepada nasihatnya. Tumpuan kita ialah persiapan menghadapi pilihan raya, jadi kita perlu menggembleng tenaga dan mengenang nikmat yang dikecapi hasil pimpinan beliau selama 22 tahun.

"Kejayaan itu akan digunakan sebagai landasan bagi kita terus bekerja demi mencapai kemenangan cemerlang," katanya.

Beliau berkata, pesanan supaya sokongan harus diberi kepada parti dan bukan individu juga perlu diterima dengan ikhlas oleh ahli Umno demi keutuhan parti.

(END)